



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL BERSEPADU, LHDNM SUMBANGKAN ALAT BANTUAN MENGAJAR**

Bukit Mertajam, 12 April 2018 – Kesianambungan usaha Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam mendekati dan membantu rakyat diteruskan dengan penyerahan sumbangan lima unit alat bantuan mengajar kepada empat buah sekolah terpilih dan Jabatan Pendidikan Daerah di sini pada hari ini.

Program Tanggungjawab Sosial (SR) ini dianjurkan bersempena dengan penganjuran Program Tanggungjawab Sosial Bersepadu Sempena Program Jalan Kaki Terjauh (JKT) 1600 Kilometer *Malaysia Book Of Records* LHDNM 2018 yang baru sahaja dilancarkan pada 12 April 2018 baru-baru ini. Setelah menempuh empat hari perjalanan sejauh 170km, peserta program JKT kini tiba di LHDNM Cawangan Bukit Mertajam untuk bersama-sama menyempurnakan program SR ini.

Cik Halijah binti Bulat, Pengarah LHDNM Negeri Pulau Pinang dalam ucapannya berkata “LHDNM sedar bahawa semua dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan di sektor awam adalah bertujuan untuk memudahkan urusan rakyat dan LHDNM memilih untuk memberikan khidmat *extra miles* dan berusaha menjadikan program-program tanggungjawab sosial LHDNM berkesan dalam mendekati LHDNM di hati setiap rakyat”

Turut hadir sama di program ini ialah YBhg. Datuk Hj Mohd Zaidi bin Hj Mohd Said, Penyelaras Parlimen Permatang Pauh dan Encik Chakngari @ Yusof Bin Daud, Pengarah LHDNM, Cawangan Bukit Mertajam dan pegawai-pegawai LHDNM.

Untuk rekod, LHDNM baru-baru ini telah melancarkan Program Jalan Kaki 1600 Kilometer *Malaysia Book Of Records* LHDNM 2018 di LHDNM Cawangan Ipoh pada 9 April 2018. Sepanjang program ini berlangsung, ia akan diisi bersama Program CSR ke sekolah-sekolah terpilih dan Program Hasil4u untuk memberi kesedaran cukai di empat *check point* yang akan dilalui oleh peserta Jalan Kaki Terjauh ini antaranya adalah Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 12 April 2018**



**Gambar 1 : Wakil penerima sumbangan alat bantuan mengajar bersama-sama dengan YBhg. Datuk Hj Mohd Zaidi bin Hj Mohd Said, Penyelaras Parlimen Permatang Pauh (lima dari kanan), Cik Halijah binti Bulat, Pengarah LHDNM Negeri Pulau Pinang (empat dari kanan) Encik Chakngari @ Yusof Bin Daud, Pengarah LHDNM, Cawangan Bukit Mertajam (satu dari kanan)**



**Gambar 2 : YBhg. Datuk Hj Mohd Zaidi bin Hj Mohd Said, Penyelaras Parlimen Permatang Pauh bersama-sama dengan pegawai LHDNM Bukit Mertajam.**



**Gambar 3:**  
**Peserta Program Jalan Kaki Terjauh LHDNM Cik Rogayah Binti Ali, Pegawai Bahagian Keselamatan LHDNM (kiri), Encik Eyu Leong Boon, Pengarah Bahagian Keselamatan LHDNM (tengah) dan Encik Muhammad Nazmi Bin Mohammad Norrizal, Pegawai Bahagian Keselamatan LHDNM (kanan) tiba di LHDNM Cawangan Bukit Mertajam.**